

# BAB 2 – TEORI-TEORI ETIKA

## Hasil Pembelajaran

- Menerangkan latar belakang kepada pengenalan teori-teori etika dan jenis-jenis teori etika klasik dan teori etika moden.
- Menjelaskan teori etika klasik yang utama iaitu Teori Kebaikan dan Teori Teleologi
- Menghuraikan teori etika moden yang utama iaitu Teori Deontologi, Teori Keadilan dan Teori Hak Asasi.
- Mengaplikasikan teori etika klasik, teori etika moden dan kegunaan teori-teori etika klasik dan moden ini ke dalam kehidupan seharian

## KANDUNGAN

PENGENALAN KEPADA TEORI ETIKA

TEORI ETIKA KLASIK

TEORI ETIKA MODEN

KEGUNAAN ETORI ETIKA DALAM KEHIDUPAN

# PENGENALAN KEPADA TEORI ETIKA

## • TEORI ETIKA KLASIK

### Teori Kebaikan

- Aristotle – menggunakan falsafah yang dibangunkan oleh Socrates dan plato dalam menghasilkan pemikiran dan falsafah awal mengenai etika
- Aristotle menghuraikan bagaimana manusia boleh menjalankan kehidupan sebaiknya dan menganggap etika dan politik sebagai saling berkaitan di mana etika adalah mengenai kebaikan individu sementara politik pula lebih kepada penumpuan hal-hal kebaikan dan kecekapan pentadbiran sesebuah negara
- Beliau menekankan kepada kepentingan membangunkan kecemerlangan (kebaikan) sebagai satu cara untuk mewujudkan kelakuan yang beretika
- Aristotle menegaskan bahawa kebaikan adalah sesuatu yang praktikal untuk dilakukan dan diamalkan oleh manusia dan etika pula untuk menjadikan manusia lebih baik

# 4 Perspektif Falsafah Etika Aristotle

- Kebaikan moral
- Empat kebaikan utama
  - Kebijaksanaan
  - Kawalan sendiri
  - Keberanian
  - Keadilan
- Keadilan
- Kemuncak Kebaikan

- Aristotle memperkenalkan konsep eudaimonia' iaitu pencapaian terbaik sebagai manusia dalam pelbagai aspek seperti kebaikan, kebahagiaan, beretika dan kehidupan yang bermakna kepada diri sendiri, masyarakat, makhluk ciptaan Tuhan yang lain dan alam semesta.

# Teori Teleologi

berasal daripada perkataan Greek iaitu '*Telos*' yang membawa maksud tujuan atau akibat, sementara '*Logos*' pula bermaksud sebab, keterangan atau penjelasan.

- menekankan hasil atau kesan daripada tindakan yang dilakukan oleh seseorang.
- Jika tindakan seseorang itu membawa kesan yang baik atau yang dihajati, maka tindakan itu dibenarkan dan dianggap sebagai betul dan bermoral
- Berdasarkan kepada Teori Teleologi ini, seseorang itu seharusnya menilai hasil atau kesan daripada sesuatu tindakan yang dilakukan sama ada boleh mendatangkan kesan baik atau buruk kepada diri sendiri atau pihak lain

# Dua aliran pemikiran Teori Teleologi

- Aliran Egoisme

- berpendapat seseorang individu harus melakukan sesuatu tindakan yang boleh memberikan kesan maksimum kepada kebahagiaan dirinya
- Pendirian aliran egoisme ini jelas mengenyampingkan kepentingan kesan kepada pihak lain tetapi sebaliknya terlalu menumpukan kepada kesan terhadap dirinya sendiri.

- Aliran 'utilitarianisme'

- berpegang kepada prinsip iaitu seseorang individu itu harus melakukan sesuatu tindakan yang boleh memberikan kebahagiaan atau kesan yang baik kepada bilangan orang yang paling maksimum dan tidak terhadap kepada diri individu itu sendiri.

# TEORI ETIKA MODEN

- Teori Deontologi
  - teori yang berkaitan dengan tugas atau kewajiban
  - Teori Deontologi ini tidak melihat kepada kesan sesuatu perbuatan sebaliknya menekankan lebih kepada tanggungjawab atau kewajiban yang harus dilakukan oleh seseorang individu.

# Kelemahan Teori Deontologi

- Tidak menyediakan satu sempadan yang jelas di manakah sesuatu prinsip kebaikan sejagat itu harus dilaksanakan
- Teori ini juga agak kurang jelas dalam menentukan tindakan yang manakah dianggap sebagai bermoral atau tidak bermoral.

# Teori Keadilan

- John Rawls - Teori Keadilan (1971) menerangkan konsep sistem keadilan sosial di mana beliau mentakrifkan keadilan itu sebagai kesaksamaan.

## Teori Hak Asasi

- Locke (1632 - 1704) ialah seorang lagi ahli falsafah barat yang terkemuka dengan konsep etika hak asasi manusia.
- Locke percaya kepada hak asasi manusia untuk hidup, memiliki kebebasan, dan harta benda

# Etika agama

- Etika berdasarkan kepada kitab suci dan ajaran dalam agama masing-masing.
- Etika Timur banyak rujuk agama.
- Etika Barat cuba asingkan agama.

# KEGUNAAN TEORI-TEORI ETIKA DALAM KEHIDUPAN MANUSIA

- Menyelesaikan dilema etika
- Membantu dalam proses membuat sesuatu keputusan
- Mengenalpasti tanggungjawab etika